



## TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 AKTA 127

P.U. (A) 338/78

### PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (PREMIS YANG DITETAPKAN) (GETAH ASLI MENTAH) 1978

*Mengandungi pindaan terkini - P.U. (A) 74/80*

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

30 November 1978

Tarikh mula berkuatkuasa :

1 April 1979

---

#### SUSUNAN PERATURAN

---

#### [Mukadimah](#)

Peraturan 1. [Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

Peraturan 2. [Tafsiran.](#)

Peraturan 3. [Tempoh bagi maksud seksyen 18\(2\)\(a\) dan \(c\).](#)

Peraturan 4. [Syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang sedia ada hendaklah berterusan jika berlaku pertukaran tentang pendudukan.](#)

Peraturan 5. [Melaporkan perubahan-perubahan tentang maklumat yang diberi bagi maksud permohonan.](#)

Peraturan 6. [Membuat perubahan-perubahan yang mengubah kualiti effluen.](#)

Peraturan 7. [Kewajipan penduduk memberi bantuan untuk tindakan di bawah seksyen 38.](#)

Peraturan 8. [Pendawasan effluen.](#)

Peraturan 9. [Mempamerkan lesen.](#)

Peraturan 10. [Penyata sukutahunan.](#)

Peraturan 11. [Mengenakan syarat-syarat yang boleh diterima bagi pelepasan effluen.](#)

- Peraturan 12. [Syarat-syarat yang boleh diterima bagi pelepasan effluen dari premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya ke dalam alurair.](#)
- Peraturan 13. [Syarat-syarat yang boleh diterima bagi pelepasan effluen dari premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya ke atas tanah.](#)
- Peraturan 14. [Syarat-syarat yang boleh diterima bagi pelepasan effluen dari premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran hasil-hasil keluaran selain dari susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya ke dalam alurair.](#)
- Peraturan 15. [Syarat-syarat yang boleh diterima bagi pelepasan effluen dari premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran hasil-hasil keluaran selain dari susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya ke dalam alurair.](#)
- Peraturan 16. [Premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran suatu kombinasi hasil-hasil keluaran, termasuk susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya.](#)
- Peraturan 17. [Had-had bagi parameter effluen yang tidak termasuk dalam Jadual Kedua, Ketiga atau Keempat.](#)
- Peraturan 18. [Pengenaan had-had yang kurang ketat bagi parameter-parameter effluen dalam keadaan-keadaan tertentu.](#)
- Peraturan 19. [Takat pelepasan.](#)
- Peraturan 20. [Penduduk hendaklah memasang, menyenggara dan mengendalikan satu alat bagi sukatan dan rakaman berterusan aliran effluen.](#)
- Peraturan 21. [Bayaran bagi kebenaran di bawah seksyen 19.](#)
- Peraturan 22. [Bayaran bagi lesen termasuk pembaharuan lesen.](#)
- Peraturan 23. [Pengecualian bayaran.](#)
- Peraturan 24. [Bayaran bagi memindahmilik lesen.](#)

#### [JADUAL PERTAMA](#)

#### [JADUAL KEDUA](#)

#### [JADUAL KETIGA](#)

#### [JADUAL KEEMPAT](#)

#### [JADUAL KELIMA](#)

#### [SENARAI PINDAAN](#)

## **Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

### **Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.**

(1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan)(Getah Asli Mentah) 1978.**

(2) Peraturan-peraturan 22, 23 dan 24 hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Disember 1978 dan semua peraturan-peraturan lain hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb April 1979.

### **Peraturan 2. Tafsiran.**

Dalam peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain-

"B.O.D." ertinya oksigen biokimia yang diperlukan, iaitu kuantiti oksigen yang digunakan mengikut ujian makmal, dalam pengoksidasian biokimia bahan organik dalam effluen dalam suatu jangkamasa yang ditentukan, yang mana bagi maksud Peraturan-peraturan ini adalah tiga hari, dan pada suatu suhu yang ditentukan, yang mana bagi maksud Peraturan-peraturan ini adalah 30 darjah Centigrade.

"kepekatan B.O.D." ertinya keamatan oksigen biokimia yang diperlukan bagi effluen, dikira mengikut B.O.D. bagi satu unit standard isipadu effluen, seperti satu liter; oleh itu effluen adalah dikatakan mempunyai kepekatan B.O.D., katalah, 5,000 miligram bagi satu liter atau 5,000 mg/1, jika potensinya untuk menggunakan oksigen bagi satu liter effluen akan, mengikut ujian makmal, menggunakan dalam jangkamasa tiga hari dan pada suhu 30 darjah Centigrade, 5,000 miligram oksigen dalam proses oksidasi biokimianya.

"beban B.O.D." ertinya jumlah amaun oksigen yang, memandang kepada kepekatan B.O.D.nya, dijangka akan digunakan oleh suatu amaun effluen yang tertentu, dalam jangkamasa tiga hari dan pada suhu 30 darjah Centigrade dalam proses oksidasi biokimianya.

"effluen" ertinya buangan cecair atau buangan air yang keluar disebabkan proses pengeluaran yang berlaku di premis yang ditetapkan.

"lesen" ertinya lesen mengenai premis yang ditetapkan, sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 18 Akta.

"parameter" ertinya mana-mana faktor yang ditunjukkan dalam ruang pertama dalam Jadual Kedua, atau mana-mana faktor lain yang mana Ketua Pengarah boleh menetapkan dalam lesen, yang berasaskan kepotensian pencemaran effluen ditentukan.

"premis yang ditetapkan" ertinya mana-mana premis yang ditetapkan oleh Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978 [*P.U. (A) 250/78*], iaitu premis yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran atau memproses -

(a) getah asli mentah dalam bentuk yang ditentukan secara teknik, dalam bentuk susu getah termasuk yang belum divulkan atau bentuk getah yang diubahsuaikan dan getah maksud khas; dan

(b) keping lazim, skim, kerip atau apa-apa bentuk lain getah mentah yang belum diperihalkan, dengan kuantiti sebanyak 5 tan atau lebih sehari atau dengan kemampuan pengeluaran atau memproses yang sama kuantitinya.

"alurair" termasuklah mana-mana kolamir, tasik, sungai, anak sungai, taliair, parit, mata air ataupun telaga, mana-mana bahagian laut yang bersempadankan pantai pasang surut, dan mana-mana kumpulan air di permukaan atau di bawah permukaan bumi, sama ada semulajadi atau diadakan.

### **Peraturan 3. Tempoh bagi maksud seksyen 18(2)(a) dan (c).**

Berkenaan dengan membuat permohonan untuk mendapatkan lesen -

(1) tempoh yang berakhir pada 31hb Januari 1979, adalah ditetapkan bagi maksud-maksud seksyen 18(2)(a) Akta; dan

(2) tempoh empat belas hari selepas seseorang menjadi penduduk premis yang ditetapkan adalah ditetapkan bagi maksud-maksud seksyen 18(2)(c) Akta.

**Peraturan 4. Syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang sedia ada hendaklah berterusan jika berlaku pertukaran tentang pendudukan.**

(1) Di mana seseorang menjadi penduduk premis yang ditetapkan bagi menggantikan seorang lain yang memegang suatu lesen yang belum lagi tamat mengenai premis yang ditetapkan itu, maka -

(a) bagi tempoh empat belas hari selepas pertukaran pendudukan itu; atau

(b) di mana penduduk baru itu membuat permohonan dalam tempoh tersebut supaya lesen itu dipindahmilik kepadanya, bagi tempoh mulai dari pertukaran pendudukan sehingga keputusan muktamad dibuat mengenai permohonannya,

syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen itu hendaklah dipakai bagi penduduk baru itu dan hendaklah dipatuhi olehnya, walaupun ia belum lagi menjadi pemegang lesen itu atau walaupun lesen itu mungkin, dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan kecil (a) atau (b), mengikut mana yang berkenaan, telah tamat.

(2) Perenggan (1) hendaklah terhenti dari dipakai apabila penduduk baru itu menjadi pemegang suatu lesen yang dikeluarkan mengenai premis yang ditetapkan.

**Peraturan 5. Melaporkan perubahan-perubahan tentang maklumat yang diberi bagi maksud permohonan.**

Seseorang yang memohon suatu lesen atau untuk membaharui atau memindahmilik suatu lesen hendaklah, dalam tempoh tujuh hari dari berlakunya apa-apa perubahan penting tentang apa-apa maklumat yang telah diberi dalam permohonannya di bawah seksyen 11 (1) atau (2) Akta, memberi kepada Ketua Pengarah suatu laporan secara bertulis mengenai perubahan itu.

## **Peraturan 6. Membuat perubahan-perubahan yang mengubah kualiti effluen.**

(1) Seseorang penduduk bagi premis yang ditetapkan yang berlesen tidak boleh membuat, atau menyebabkan atau membiarkan dibuat, apa-apa perubahan kepada premis yang ditetapkan itu atau tentang cara mengelola, menggunakan, menyelenggara, atau mengendali premis yang ditetapkan itu atau tentang apa-apa pengendalian atau proses yang dijalankan di premis yang ditetapkan itu, jika perubahan itu menyebabkan, bertujuan atau mungkin menyebabkan, kemerosotan penting pada ciri-ciri kualiti, atau penambahan penting pada kuantiti, effluen yang dilepaskan dari premis yang ditetapkan itu, melainkan kelulusan secara bertulis diperolehi terlebih dahulu dari Ketua Pengarah bagi perubahan itu.

(2) Bagi maksud-maksud perenggan (1), perubahan-perubahan bagi premis yang ditetapkan termasuklah

-

(a) apa-apa perubahan tentang pembinaan, struktur, atau susunan premis yang ditetapkan itu atau mana-mana bangunan yang menjadi sebahagian daripada premis yang ditetapkan itu;

(b) apa-apa perubahan tentang pembinaan, struktur, susunan pembarisan, arah, atau keadaan alat, sistem atau kemudahan saluran yang digunakan bagi premis yang ditetapkan itu; dan

(c) apa-apa perubahan, pada atau dalam mana-mana loji, mesin, atau peralatan yang digunakan atau dipasang di premis yang ditetapkan itu.

## **Peraturan 7. Kewajipan penduduk memberi bantuan untuk tindakan di bawah seksyen 38.**

Tiap-tiap penduduk premis yang ditetapkan hendaklah memberi kepada Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai lain yang diberikuasa secara bertulis olehnya segala bantuan atau kemudahan yang menasabah atau kemudahan yang terdapat di premis yang ditetapkan itu termasuk tenaga buruh, peralatan, perkakas, dan alat-alat yang mungkin dikehendakinya untuk maksud mengambil apa-apa tindakan mengenai premis yang ditetapkan itu di bawah seksyen 38 Akta.

## **Peraturan 8. Pendawasan effluen.**

Tiada seseorang boleh mendawaskan, atau menyebabkan atau membiar didawaskan, mana-mana effluen, sama ada mentah atau diolah, pada bila-bila masa atau pada mana-mana takat selepas ianya dikeluarkan di mana-mana premis yang ditetapkan melainkan suatu kelulusan secara bertulis dari Ketua Pengarah telah diperolehi terlebih dahulu untuk pendakwaan dan pendakwaan itu dilakukan mengikut had-had dan syarat-syarat kelulusan itu.

## **Peraturan 9. Mempamerkan lesen.**

Tiap-tiap penduduk premis yang ditetapkan hendaklah mempamerkan lesennya, bersama tiap-tiap dokumen yang menjadi sebahagian lesen itu, di suatu tempat yang boleh dilihat dengan jelas di bangunan utama premis yang ditetapkan itu.

## **Peraturan 10. Penyata sukutahunan.**

(1) Bagi maksud-maksud peraturan ini, sukutahun ertinya suatu tempoh tiga bulan bermula pada 1hb Januari, 1hb April, 1hb Julai atau 1hb Oktober.

(2) Tiap-tiap penduduk premis yang ditetapkan hendaklah, dalam tempoh empat belas hari selepas akhir tiap-tiap sukutahun, mengemukakan kepada Ketua Pengarah, dalam Borang dalam Jadual Pertama, suatu penyata sukutahunan bagi sukutahun itu mengenai premis yang ditetapkan itu.

(3) Seseorang penduduk premis yang ditetapkan tidak dikehendaki mengemukakan di bawah perenggan (2) suatu penyata bagi apa-apa tempoh ia tidak menjadi penduduk premis yang ditetapkan itu.

(4) Di mana seseorang menjadi penduduk premis yang ditetapkan pada suatu hari, lain daripada hari pertama bagi suatu sukutahun, orang itu boleh mengemukakan penyatannya yang pertama di bawah perenggan (2) dalam tempoh empat belas hari selepas akhir sukutahun penuh yang pertama, dan dalam hal yang demikian penyata itu hendaklah bagi tempoh yang bermula dari pendudukan itu sehingga akhir sukutahun penuh yang pertama.

## **Peraturan 11. Mengenakan syarat-syarat yang boleh diterima bagi pelepasan effluen.**

Bagi mengenakan syarat-syarat yang boleh diterima berkenaan dengan sesuatu lesen bagi pelepasan effluen dari premis yang ditetapkan, Ketua Pengarah hendaklah berpandu kepada peraturan-peraturan 12, 13, 14, 15, 16, 17 dan 18.

## **Peraturan 12. Syarat-syarat yang boleh diterima bagi pelepasan effluen dari premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya ke dalam alurair.**

(1) Tertakluk kepada perenggan (3), tiada apa-apa syarat menghadkan mana-mana parameter boleh biasanya dikenakan berkenaan effluen yang dilepaskan dari premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya ke dalam alurair dalam tempoh 1-4-1979 - 31-3-1980, tetapi Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya perlu dalam sesuatu kes tertentu, mengenakan satu syarat atau syarat-syarat seperti itu bagi semua atau mana-mana parameter, dan dalam hal yang demikian had-had itu hendaklah, biasanya, sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual Kedua.

(2) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan berkenaan mana-mana tempoh pada atau selepas 1-4-1980 hendaklah mengandungi satu syarat atau syarat-syarat menghadkan parameter-parameter bagi effluen yang akan dilepaskan pada atau selepas tarikh tersebut, dan had-had bagi tiap-tiap tempoh yang berkenaan hendaklah biasanya sebagaimana yang ditunjukkan dalam ruang kedua, ketiga, keempat dan kelima Jadual Ketiga.

(3) Ketua Pengarah boleh dalam sesuatu kes tertentu, mengenakan jika difikirkannya perlu, berkenaan dengan pelepasan effluen dalam mana-mana tempoh, satu had yang lebih ketat daripada had yang ditunjukkan dalam Jadual Kedua atau had yang kena dipakai mengikut Jadual Ketiga, bagi mana-mana parameter.

[Mas. P.U. (A) 74/80]



**Peraturan 13. Syarat-syarat yang boleh diterima bagi pelepasan effluen dari premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya ke atas tanah.**

(1) Tertakluk kepada perenggan (2), tiada apa-apa syarat menghadkan mana-mana parameter boleh biasanya dikenakan berkenaan pelepasan effluen dari premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya ke atas tanah dalam mana-mana tempoh, tetapi Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya perlu dalam sesuatu kes tertentu, mengenakan satu syarat atau syarat-syarat bagi semua atau mana-mana parameter, dan dalam hal yang demikian had-had itu hendaklah, biasanya, sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual Kedua.

(2) Ketua Pengarah boleh dalam sesuatu kes tertentu, mengenakan jika difikirkannya perlu, berkenaan dengan pelepasan effluen dalam mana-mana tempoh, satu had yang lebih ketat daripada had yang ditunjukkan dalam Jadual Kedua, bagi mana-mana parameter.

**Peraturan 14. Syarat-syarat yang boleh diterima bagi pelepasan effluen dari premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran hasil-hasil keluaran selain dari susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya ke dalam alurair.**

(1) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan pada atau selepas 1-4-1979 dan tiap-tiap lesen yang dikeluarkan sebelum tetapi tamat selepas tarikh tersebut hendaklah mengandungi satu syarat atau syarat-syarat menghadkan parameter-parameter bagi effluen yang akan dilepaskan dari premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran hasil-hasil keluaran selain dari susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya ke dalam alurair pada atau selepas tarikh tersebut dan had-had bagi tiap-tiap tempoh yang berkenaan hendaklah biasanya sebagaimana yang ditunjukkan dalam ruang kedua, ketiga dan keempat Jadual Keempat.

(2) Ketua Pengarah boleh dalam sesuatu kes tertentu, mengenakan jika difikirkannya perlu, berkenaan dengan pelepasan effluen dalam mana-mana tempoh, satu had yang lebih ketat daripada had yang ditunjukkan dalam Jadual Keempat, bagi mana-mana parameter.

**Peraturan 15. Syarat-syarat yang boleh diterima bagi pelepasan effluen dari premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran hasil-hasil keluaran selain dari susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya ke dalam alurair.**

Tiada apa-apa syarat menghadkan mana-mana parameter boleh dikenakan berkenaan pelepasan effluen dari premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran hasil-hasil keluaran selain dari susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya ke atas tanah dalam mana-mana tempoh, tetapi Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya perlu dalam sesuatu kes tertentu, mengenakan satu syarat atau syarat-syarat seperti itu bagi semua atau mana-mana parameter yang ditunjukkan dalam Jadual Keempat.

**Peraturan 16. Premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran suatu kombinasi hasil-hasil keluaran, termasuk susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya.**

(1) Peraturan ini adalah dipakai bagi pelepasan effluen dari premis yang ditetapkan yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran suatu kombinasi hasil-hasil keluaran, yang mana termasuk susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya.

(2) Jika pelepasan effluen yang timbul dari pengeluaran susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya akan diasingkan dari pelepasan effluen yang timbul dari pengeluaran hasil-hasil keluaran yang lain, peraturan-peraturan 12 dan 13 hendaklah dipakai berkenaan pelepasan effluen yang timbul dari pengeluaran susu getah pekat atau hasil-hasil keluaran yang berkaitan dengannya dan peraturan-peraturan 14 dan 15 hendaklah dipakai berkenaan pelepasan effluen yang timbul dari pengeluaran hasil-hasil keluaran yang lain itu.

(3) Jika effluen-effluen yang dinyatakan dalam perenggan (2) akan dicampur supaya merupakan satu pelepasan, maka peraturan-peraturan 14 dan 15 hendaklah dipakai berkenaan dengan pelepasan yang dicampurkan itu.

### **Peraturan 17. Had-had bagi parameter effluen yang tidak termasuk dalam Jadual Kedua, Ketiga atau Keempat.**

Ketua Pengarah boleh dalam sesuatu kes tertentu, mengenakan jika difikirkannya perlu, dikenakan dengan pelepasan effluen dari premis yang ditetapkan, syarat-syarat menghadkan parameter-parameter effluen yang tidak termasuk dalam Jadual Kedua, Ketiga atau Keempat.

### **Peraturan 18. Pengegaan had-had yang kurang ketat bagi parameter-parameter effluen dalam keadaan-keadaan tertentu.**

Ketua Pengarah boleh dalam sesuatu kes tertentu, mengenakan, dikenakan dengan pelepasan effluen dari premis yang ditetapkan, satu had yang kurang ketat daripada had yang kena dipakai mengikut Jadual Kedua, Ketiga dan Keempat, bagi mana-mana parameter, sekiranya ia berpuashati -

(a) bahawa penyelidikan mengenai pelupusan atau pengolahan effluen dari jenis atau skel yang mungkin berfaedah kepada perlindungan alam sekitar sedang atau akan dijalankan di premis yang ditetapkan dan bahawa suatu konsesi seperti itu adalah perlu untuk menjalankan penyelidikan itu; atau

(b) bahawa pematuhan terhadap had menurut Jadual Kedua, Ketiga atau Keempat di premis yang ditetapkan itu adalah tidak praktik.

### **Peraturan 19. Takat pelepasan.**

(1) Dalam tiap-tiap lesen, Ketua Pengarah hendaklah menentukan bagi maksud-maksud Peraturan-peraturan ini, takat yang takat-takat pelepasan effluen bagi premis yang ditetapkan yang dimaksudkan oleh lesen itu.

(2) Di mana takat pelepasan disebutkan dalam Peraturan-peraturan ini berkenaan dengan mana-mana premis yang ditetapkan, sebutan itu adalah mengenai takat atau takat-takat pelepasan yang ditentukan bagi premis yang ditetapkan itu menurut perenggan (1).

(3) Di mana kepekatan B.O.D. atau lain-lain parameter bagi effluen yang dilepaskan atau yang akan dilepaskan disebut dalam Peraturan-peraturan ini berkenaan dengan mana-mana premis yang

ditetapkan, sebutan itu, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, adalah mengenai kepekatan B.O.D. atau lain-lain parameter seperti pada takat pelepasan yang ditentukan bagi premis yang ditetapkan itu menurut perenggan (1).

## **Peraturan 20. Penduduk hendaklah memasang, menyenggara dan mengendalikan satu alat bagi sukatan dan rakaman berterusan aliran effluen.**

(1) Tiap-tiap penduduk premis yang ditetapkan hendaklah, dengan memuaskan hati Ketua Pengarah, memasang, menyenggara dan mengendalikan satu alat bagi sukatan dan rakaman berterusan aliran effluen bagi maksud mengawas pada takat pelepasan, kuantiti pelepasan effluen dalam tempoh lesen.

(2) Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan (1), Ketua Pengarah boleh membenarkan kuantiti air yang akan digunakan dalam proses pengeluaran diawasi, berkenaan dengan effluen akan dilepaskan, jika ia berpuashati bahawa kuantiti air itu adalah setara dengan kuantiti effluen di takat pelepasan dan dalam hal yang demikian, kuantiti effluen yang dilepaskan.

## **Peraturan 21. Bayaran bagi kebenaran di bawah seksyen 19.**

Bayaran bagi suatu kebenaran bertulis di bawah seksyen 19 Akta untuk menjalankan apa-apa kerja pada sesuatu premis yang akan menyebabkan premis itu menjadi premis yang ditetapkan atau untuk membina di atas mana-mana tanah sesuatu bangunan yang direkabentuk untuk atau digunakan bagi sesuatu maksud menyebabkan tanah atau bangunan itu menjadi premis yang ditetapkan adalah \$100.00, dan tidak boleh dipulangkan balik.

## **Peraturan 22. Bayaran bagi lesen termasuk pembaharuan lesen.**

(1) Bayaran bagi suatu lesen, termasuk pembaharuan suatu lesen adalah RM100.00 ditambah dengan suatu amaun yang berkaitan dengan effluen yang dihitung mengikut kadar-kadar dan cara-cara yang ditetapkan dalam Jadual Kelima.

(2) Amaun RM100.00 itu hendaklah disertakan bersama permohonan itu dan tidak boleh dipulangkan balik.

(3) Amaun yang berkaitan dengan effluen tidak dikehendaki dibayar sehingga diminta.

### **Peraturan 23. Pengecualian bayaran.**

(1) Jika Ketua Pengarah berpuashati bahawa penyelidikan mengenai pelupusan atau pengolahan effluen dari jenis atau skel yang mungkin berfaedah bagi perlindungan alam sekitar sedang atau akan dijalankan di mana-mana premis yang ditetapkan, ia boleh, dengan kelulusan Menteri, sepenuhnya atau sebahagiannya, mengecualikan mana-mana amaun yang berkaitan dengan effluen yang kena dibayar di bawah peraturan 22 (1).

(2) Dalam memutuskan setakat manakah pengecualian itu, Ketua Pengarah hendaklah berpandu kepada pertimbangan beberapa banyakkah dari amaun effluen yang dilepaskan atau akan dilepaskan itu terlibat dalam penyelidikan itu dan kepada pertimbangan tentang ciri-ciri kualiti effluen yang dilepaskan atau akan dilepaskan.

### **Peraturan 24. Bayaran bagi memindahmilik lesen.**

Bayaran untuk memindahmilik lesen adalah RM30.00.

## **JADUAL PERTAMA**

(Peraturan 10 (2))

### **BORANG PENYATA SUKUTAHUNAN**

(Satu salinan hendaklah diisi)

SEKSYEN 1 - PENGENALAN	Untuk kegunaan Pejabat
1. (i) Nama dan Alamat Premis .....	
(ii) Nama Pemegang Lesen .....	
(iii) Alamat Pemegang Lesen ..... Telefon .....	
(iv) Nombor Lesen .....	

(v) Nombor Rujukan Fail .....	
2. (i) Nama Pegawai Pelapor .....	
(ii) Alamat Pegawai Pelapor ..... Telefon .....	
3. (i) Nama Makmal Penganalisaan .....	
(ii) Alamat Makmal Penganalisaan ..... Telefon .....	
(iii) Nama Penganalisa.....	
4. Sukutahun bagi Penyata:	
(i) Sukutahun Pertama <input type="checkbox"/> (1-1-19.....to 31-3-19.....)	(ii) Sukutahun Kedua <input type="checkbox"/> (1-4-19..... to 30-6-19.....)
(i) Sukutahun Ketiga <input type="checkbox"/> (1-7-19.....to 30-9-19.....)	(ii) Sukutahun Keempat <input type="checkbox"/> (1-10-19..... to 31-12-19.....)
<b>SEKSYEN 2 - DATA PENGELUARAN SUKUTAHUNAN</b>	Untuk kegunaan Pejabat
5. (i) Jumlah Pengeluaran Getah:	
<i>Jenis Keluaran</i>	<i>Kuantiti dalam Tan Metrik</i>
.....	.....
.....	.....
.....	.....
<i>Kiraan Meter*</i>	<i>Anggaran*</i>
(ii) Jumlah Kegunaan Air/Pelepasan Effluen* .....	..... Meterpadu
<i>*Potong mana yang tidak berkenaan</i>	
<b>SEKSYEN 3 - MAKLUMAT PELUPUSAN EFFLUEN SUKUTAHUNAN</b>	Untuk kegunaan Pejabat
6. Pelepasan Effluen ke dalam Alurair/Pelepasan Effluen ke atas Tanah ( <i>Potong mana tidak berkenaan</i> )	
Nota:	
(a) Kuantiti dan kualiti effluen mestilah seperti yang ditentukan pada takat pelepasan mengikut acara dan cara-cara standard yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.	
(b) Percontohan effluen perlu dijalankan pada mana-mana satu hari	

sahaja dalam tiap-tiap minggu atau bulan seperti yang ditunjukkan di dalam ruangan yang disediakan. Di mana boleh, percontohan hendaklah dibuat dalam minggu-minggu yang ditentukan bukan dalam bulan-bulan yang ditentukan. Penganalisaan bagi butiran-butiran (v), (vi) dan (ix) hendaklah dibuat sekali sahaja dalam sukutahun, ke atas contoh yang sama seperti yang digunakan bagi penganalisaan butiran-butiran lain.

Masa-masa bagi percontohan butiran-butiran (iii) hingga (ix) hendaklah juga ditunjukkan dalam ruangan-ruangan yang disediakan. Keadaan cuaca pada masa percontohan hendaklah dicatat seperti, sebagai contoh, "kering", "basah", atau "hujan lebat".

(c) Jika ini adalah penyata yang pertama bagi tempoh yang meliputi lebih dari sukutahun, seperti yang dibenarkan oleh peraturan 10 (4) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978, maklumat yang dikehendaki bagi tempoh sebelum sukutahun penuh pertama itu bolehlah diberi dalam kertas tambahan.

	Minggu Pertama atau Bulan Pertama	Minggu Kelima atau Bulan Kedua	Minggu Kesembilan atau Bulan Ketiga
Tarikh	.....	.....	.....
Masa	.....	.....	.....
Cuaca	.....	.....	.....
(i) Pelepasan Purata Harian Meter padu (m <sup>3</sup> )	.....	.....	.....
(ii) Pelepasan Maksimum dalam masa 24 jam; Meterpadu (m <sup>2</sup> )	.....	.....	.....
(iii) pH	.....	.....	.....
(iv) B.O.D. (3-hari; 30 <sup>0</sup> C); mg/1	.....	.....	.....

(v) C.O.D.; mg/1	.....	.....	.....	
(vi) Jumlah pepejal; mg/ 1	.....	.....	.....	
(vii) Pepejal Terampai; mg/1	.....	.....	.....	
(viii) Amoniakal - Nitrogen; mg/1	.....	.....	.....	
(ix) Jumlah Nitrogen; mg/1	.....	.....	.....	
7. Jika effluen atau mana-mana bahagiannya tidak dilepaskan ke dalam alurair ataupun ke atas tanah, nyatakan cara pelupusannya;				

Saya memperakui bahawa segala maklumat yang diberi dalam penyata ini adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.

Tarikh .....

.....  
Tandatangan Pegawai Pelapor

## JADUAL KEDUA

(Peraturan 12 (1))

HAD-HAD PARAMETER BAGI PELEPASAN EFFLUEN DARI PREMIS YANG DITETAPKAN YANG DIDUDUKI ATAU DIGUNAKAN BAGI PENGELUARAN SUSU GETAH PEKAT ATAU HASIL -HASIL KELUARAN YANG BERKAITAN DENGANNYA

TEMPOH MENGIKUT KAEDAH  
PELUPUSAN

*Pelepasan Ke*    *Pelepasan ke atas*  
*dalam alurair*    *tanah (apa-apa*  
*(1-4-1979 - 30-9-*    *tempoh)*  
*1979)*

*Parameter-parameter*  
(1)

*Had*  
(2)

(3)



Oksigen Biokimia yang diperlukan (B.O.D.) 3 hari, 30°C; mg/1	6,000	6,000
Oksigen Kimia yang Diperlukan (C.O.D.); mg/1	12,000	12,000
Jumlah Pepejal; mg/1	13,000	13,000
Pepejal Terampai; mg/1	500	500
Amoniakal-Nitrogen; mg/1	900	900
Jumlah Nitrogen; mg/1	1,100	1,100
pH	3.5-8.0	3.5-8.0

[Gan. P.U. (A) 74/80]

## JADUAL KETIGA

(Peraturan 12 (2))

HAD-HAD PARAMETER BAGI PELEPASAN EFFLUEN KE DALAM ALURAIR, DARI PREMIS YANG DITETAPKAN YANG DIDUDUKI ATAU DIGUNAKAN BAGI PENGELUARAN SUSU GETAH PEKAT ATAU HASIL-HASIL KELUARAN YANG BERKAITAN DENGANNYA, PADA ATAU SELEPAS 1-4-1980

<i>Parameter-parameter</i>	<u>HAD-HAD MENGIKUT TEMPOH PELEPASAN</u>			
	<i>1-4-1980 - 31-3-1981</i>	<i>1-4-1981 - 31-3-1982</i>	<i>1-4-1982 - 31-3-1983</i>	<i>1-4-1983 seterusnya</i>
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Oksigen Biokimia yang Diperlukan (B.O.D.) 3 hari 30°C; mg/1	450	300	200	100 (50*)
Oksigen Kimia yang Diperlukan (C.O.D) mg/1	1,500	1,000	500	400
Jumlah Pepejal; mg/1	2,500	2,000	1,000	-
Pepejal Terampai mg/1	1,000	800	250	150 (100*)
Ammoniakal-nitrogen; mg/1	350	300	300	300
Jumlah Nitrogen; mg/1	450	350	350	300
pH	6-9	6-9	6-9	6-9

\*Had tambahan ini nilai min aritmetik yang ditentukan berdasarkan minimum empat contoh yang diambil sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu selama empat minggu berturut-turut.

[Gan. P.U. (A) 74/80]

## JADUAL KEEMPAT

(Peraturan 14 (1))

HAD-HAD PARAMETER BAGI PELEPASAN EFFLUEN KE DALAM ALURAIR, DARI PREMIS YANG DITETAPKAN YANG DIDUDUKI ATAU DIGUNAKAN BAGI PENGELUARAN HASIL-HASIL KELUARAN SELAIN DARI SUSU GETAH PEKAT ATAU HASIL-HASIL KELUARAN YANG BERKAITAN DENGANNYA

<i>Parameter-parameter</i>	<u>HAD-HAD MENGIKUT TEMPOH</u>		
	<u>PELEPASAN</u>		
	1-4-1979 - 31-3-1980	1-4-1980 - 31-3-1981	1-4-1981 seterusnya
(1)	(2)	(3)	(4)
Oksigen Biokimia yang Diperlukan (B.O.D.) 3-hari , 30°C; mg/1	300 750	200 500	100 (50*) 250
Oksigen Kimia yang Diperlukan (C.O.D.); mg/1	1,000	1,000	-
Jumlah Pepejal; mg/1	250	250	150 (100*)
Pepejal Terampai; mg/1	70	70	40+
Ammoniakal-Nitrogen; mg/1	100	100	60+
Jumlah Nitrogen; mg/1	6-9	6-9	6-9
pH			

\* Had tambahan ini ialah nilai min aritmetik yang ditentukan berdasarkan minimum empat contoh yang diambil sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu selama empat minggu berturut-turut.

+ Nilai contoh yang ditapis.

[Gan. P.U. (A) 74/80]

## JADUAL KELIMA

(Peraturan 22 (1))

### KADAR-KADAR DAN CARA-CARA MENGHITUNG AMAUN BAYARAN LESEN YANG BERKAITAN DENGAN EFFLUEN

1. Amaun itu hendaklah dikaitkan dengan jumlah kuantiti effluen yang akan dilepaskan dari sesuatu premis, sama ada ke dalam alurair atau ke atas tanah, dalam tempoh lesen itu.
  2. (1) Di mana effluen akan dilepaskan hanya ke dalam sesuatu alurair, amaun yang akan dikenakan adalah RM10.00 bagi tiap-tiap tan metrik atau sebahagian tan metrik beban B.O.D. bagi jumlah kuantiti effluen yang akan dilepaskan.
    - (2) Di mana tempoh sesuatu lesen adalah satu tahun penuh, dan amaun yang dihitung mengikut kadar dalam perenggan-kecil (1) adalah RM150.00 atau kurang, amaun yang akan dikenakan adalah RM150.00.
      - (3) Amaun minimum sebanyak RM150.00 itu hendaklah dikurangkan mengikut kadar di mana tempoh lesen itu adalah kurang daripada satu tahun penuh.
        - (4) Bagi maksud perenggan-kecil (3), mana-mana tempoh lesen yang kurang daripada satu bulan hendaklah dikira dan dikenakan bayaran sebagai satu bulan.
    3. (1) Di mana effluen akan dilepaskan hanya ke atas tanah, amaun yang akan dikenakan adalah RM10.00 bagi tiap-tiap seribu tan metrik atau sebahagian daripada seribu tan metrik bagi jumlah kuantiti effluen yang akan dilepaskan.
      - (2) Di mana tempoh bagi sesuatu lesen adalah satu tahun penuh, dan amaun yang dihitung mengikut kadar dalam perenggan-kecil (1) adalah RM150.00 atau kurang, amaun yang akan dikenakan adalah RM150.00.
        - (3) Amaun minimum sebanyak RM150.00 itu hendaklah dikurangkan mengikut kadar di mana tempoh lesen itu adalah kurang daripada satu tahun penuh.

(4) Bagi maksud perenggan-kecil (3), mana-mana tempoh lesen yang kurang daripada satu bulan hendaklah dikira dan dikenakan bayaran sebagai satu bulan.

4. (1) Di mana effluen akan dilepaskan ke dalam sesuatu alurair dan juga ke atas tanah, kadar dalam perenggan-kecil (1) perenggan 2 hendaklah dipakai mengenai effluen yang akan dilepaskan ke dalam alurair dan kadar dalam perenggan-kecil (1) perenggan 3 hendaklah dipakai mengenai effluen yang akan dilepaskan ke atas tanah, dan amaun yang dikenakan adalah jumlah kedua-dua amaun yang didapati itu.

(2) Di mana tempoh sesuatu lesen adalah satu tahun penuh, dan jumlah kedua-dua amaun itu adalah RM150.00 atau kurang, amaun yang akan dikenakan adalah RM150.00.

(3) Amaun minimum sebanyak RM150.00 itu hendaklah dikurangkan mengikut kadar di mana tempoh lesen itu adalah kurang daripada satu tahun penuh.

(4) Bagi maksud perenggan-kecil (3), mana-mana tempoh lesen yang kurang daripada satu bulan hendaklah dikira dan dikenakan bayaran sebagai satu bulan.

5. (1) Di mana tiada effluen akan dilepaskan ke dalam sesuatu alurair atau ke atas tanah bagi tempoh lesen itu, amaun yang akan dikenakan adalah RM150.00 setahun.

(2) Amaun minimum sebanyak RM150.00 itu hendaklah dikurangkan mengikut kadar di mana tempoh lesen itu adalah kurang daripada satu tahun penuh.

(3) Bagi maksud perenggan-kecil (2), mana-mana tempoh lesen yang kurang daripada satu bulan hendaklah dikira dan dikenakan bayaran sebagai satu bulan.

6. Pada menafsir Jadual ini bagi maksud mendapatkan bayaran di bawah seksyen 17 Akta, sebutkan mengenai effluen yang akan dilepaskan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai effluen yang sebenarnya, atau yang disifatkan sebagai telah dengan sebenarnya, dilepaskan.

Dibuat pada 23hb November 1978.

[KST & AS. Sulit 4315; AS. 1005; PN. (PU<sup>2</sup>) 280.]

TAN SRI ONG KEE HUI,  
*Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar*

## SENARAI PINDAAN

<i>Undang-undang yang meminda</i>	<i>Tajuk ringkas</i>	<i>Berkuat kuasa dari</i>
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
<a href="#"><u>P.U. (A) 74/80</u></a>	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) (Pindaan) 1980	01-04-1980

**Copyrights Reserved** □

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY  
LAWNET  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD